



PEJABAT KESIHATAN DAERAH HULU LANGAT

Lot 7523, Jalan Hentian 1C
Plaza Hentian Kajang, Jalan Reko
43000 KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA



Tel : 03-87367770, 03-87360614
03-87397903, 03-87397904
Faks : 03-87369687, 03-87336507
E-mel : pkd_hululangat@moh.gov.my

Ruj.Kami : Bil (65) dlm. PKDHLGT/740/17Jld 34
Tarikh : 19hb Oktober 2020

Penolong Pengarah Imigresen
Depot Tahanan Imigresen Semenyih

Tuan,

LANGKAH KAWALAN PENULARAN COVID-19 DI DEPOT TAHANAN IMIGRESEN SEMENYIH

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan, dua kes disahkan COVID-19 melibatkan orang kena tahan (OKT) di Depot Tahanan Imigresen Semenyih (DTIS) sejak 15hb Oktober 2020. Oleh yang demikian, pengesanan dan ujian saringan bagi kontak rapat melibatkan OKT di institusi berkenaan telah dijalankan pada 16hb dan 19hb Oktober 2020. Pihak PKD ingin mengesyorkan pihak tuan beberapa cadangan yang dinyatakan seperti berikut:-

- a) Menangguhkan kemasukan baru dan pengeluaran OKT
- b) Menangguhkan sesi persidangan di mahkamah
- c) Tidak membenarkan kehadiran pelawat luar melawat OKT

3. Langkah-langkah yang disyorkan seperti di atas bermula dari 17hb Oktober 2020 hingga 30hb Oktober 2020 bagi pengawalan COVID-19 di depot berkenaan. Pihak PKD mengesyorkan pihak DTIS untuk menerima keputusan ujian COVID-19 (RT PCR dan RTK Antigen sahaja) OKT yang telah dilakukan sekurang – kurangnya dua minggu sebelum kemasukkan ke DTIS. Penyediaan PPE yang lengkap dan pemerkasaan garis panduan atau SOP pengawalan COVID-19 di institusi

LANGKAH KAWALAN PENULARAN COVID-19 DI DEPOT TAHANAN IMIGRESEN
SEMENYIH


adalah sangat penting. Justeru, adalah diharapkan pihak tuan dapat melaksanakan cadangan yang telah disyorkan bagi mengekang penularan kes baru di institusi berkenaan.

5. Sehubungan itu, disarankan pihak tuan untuk merujuk garis panduan yang telah disertakan bersama surat bernombor rujukan Bil(51)dIm.PKD.HL.gt710/04-01Jld7 bagi langkah penambahbaikan membendung jangkitan COVID-19. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Dr Aniz Nor Sofia Binti Mohamed, Unit Kawalan Penyakit Berjangkit di talian 03-87369687. Kerjasama daripada pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,


.....
(DR. ZAILIZA BINTI SULI)
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
No. Pendaftaran MMC: 29364
Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat

SALINAN KEPADA

1. Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia Selangor
2. Pengarah Depot Tahanan Imigresen Semenyih
3. Ketua Unit Survelan, JKNS
4. Ketua Bahagian Kawalan Penyakit
5. Ketua Unit Kawalan Penyakit Berjangkit (CDC)
6. Fail timbul